

Dua mangsa kebakaran terima sumbangan

DENGKIL - Lembaga Zakat Selangor (LZS) cawangan Sepang menyerahkan sumbangan kepada dua keluarga yang terlibat dalam kebakaran di Taman Gemilang, di sini, Mac lalu.

Ketua Operasi Daerah Sepang, Mohd Nur Fahdli Yohman berkata, keluarga Jamaran Zakaria dan Jaafar Katty masing-masing menerima sumbangan berjumlah RM3,000 dan RM5,000.

Menurutnya, LZS juga akan membayai bayaran sewa rumah keluarga Jaafar tersebut dalam golongan asnaf sehingga galah rumahnya yang terbakar siap dibalikuh.

"Buat masa ini kedua-dua keluarga itu di tempatkan sementara di rumah sewa di Kampung Jenderam Hilir."

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membantu mencari rumah bagi meringankan beban mangsa yang terlibat," katanya, di sini.



Mohd Nur Fahdli (kanan) ketika menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran.

INFO
Masing-masing menerima sumbangan RM3,000 dan RM5,000

Mohd Nur Fahdli berkata, bantuan zakat yang diberikan itu juga adalah bantuan se-

kaligus bagi musibah sahaja dan tidak termasuk bantuan lain yang menyusul.

Beliau turut berharap supaya dua keluarga berkenaan dapat bersabar dan reda dengan apa yang berlaku selain tidak bersara berputus asa.

Sinar Harian sebelum ini melapor kan seorang kanak-

kanak maut akibat diperdaya terperangkap dalam kebakaran melibatkan tiga buah rumah di Taman Gemilang.

Ketiga-tiga keluarga berkenaan ditempatkan sementara di Dewan Taman Gemilang sebelum terdapat pihak membantu mencari rumah sewa.

Yok Mangan Mee ziarah rakan sekerja yang uzur

BANTING - Seramai 55 kakitangan Emery Oleochemical mengadakan konvoi 'Kenang-kenangan Yok Mangan Mee' untuk menziarahi rakan sekerja yang uzur dan menghulurkan bantuan.

Penganjurnya, Mohd Hairul Mashuri berkata, program itu juling kali diadakan sejak kilang berkenaan beroperasi 34 tahun yang lalu.

"Sebelum ini kita ada buat makan-makan dan ketika itu ada kawan-kawan yang memberi idea untuk membuat komvoi bermotosikal sambil melawat rakan sekerja yang sakit."

"Tak sangka pulak dapat sambutan dan disebabkan itu kami merancang untuk mengadakan konvoi lagi selepas ini, mungkin tiga bulan sekali," katanya.

Mohd Hairul berkata, perjalanan sejauh 160 kilometer dari Telok Panglima Garang ke Kuala Selangor itu memberi pengalaman manis kepada peserta.

"Lebih menarik apabila peseta ada yang dah berumur lebih 45 tahun dan mereka ini nampak semangat dan aktif."

"Saya harap aktiviti ini terus mendapat sambutan bukan sahaja dapat beramal sambil berkonvoi tetapi merapatkan hubungan keluargaan," katanya.



Sebahagian peserta yang menyertai konvoi 'Kenang-kenangan Yok Mangan Mee'.

Pemuda Pas kutuk insiden di St Petersburg

BANTING - Pemuda Pas Kuala Langat mengutuk insiden letupan membabitkan dua bahagian gerabak kereta api di stesen metro Sennaya Ploshchad yang mengorbankan 10 nyawa dan berpuluh lagi cedera.

Ketuaanya, Muhammad Hanif Jamaluddin berkata, insiden pengeboman itu beranggah dengan nilai-nilai Islam dan ke manusia yang mengharamkan pembunuhan orang awam yang tidak berdosa.

"Kita bimbang sekiranya ada unsur-unsur keganasan dan konspirasi yang boleh menyebabkan berlakunya perkara lebih buruk berlaku di masa hadapan."

"Islam mengajarkan perdamaian dan tidak menyokong se-

barang usaha atau tindakan yang boleh menyebabkan keganasan dan konflik," katanya.

Agenis berita Interfax memetik sumber sebagai berkata, salah satu letupan itu dipercaya berpunca daripada bom buatan sendiri.



[KLIK]

LABOHAN DAGANG

- Sebahagian penduduk yang terlibat dalam aktiviti Program Somarak Hijau 3.0 Zon A Dun Dengkil di Balai JKKK Kampung Labohan Dagang. Pelbagai aktiviti dijalankan pada hari tersebut termasuklah gotong-royong untuk mengerakkan lagi silaturrahim.